

Headline	SESB guna inovasi teknologi pulihkan Stesen Patau-Patau		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Mar 2024	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	2
ArticleSize	91 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 580		



SESB guna inovasi teknologi pulihkan Stesen Patau-Patau

LABUAN: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) menggarap idea inovasi teknologi dari-pada pakar dalaman sendiri untuk meningkatkan kapasiti penjanaan Grid Sabah yang masih berada pada tahap kritisikal.

Ketua Pegawai eEsekutif SESB Ir Mohd Yaakob Hj Jaafar berkata berbekalkan pengalaman dan kepakaran sedia ada, kerja-kerja pengubahsuaian pemutus litar berkeupayaan 132 kilovoltan (kV) kepada 11kV berjaya dilaksanakan.

“Ini adalah merupakan usaha berterusan daripada SESB untuk mempert-

ingkatkan bekalan tenaga elektrik ke Grid Sabah,” katanya dalam kenyataan, Isnin.

Beliau berkata idea inovasi itu merupakan kali pertama dilaksanakan ke atas stesen janakuasa dan seterusnya membolehkan Stesen Janakuasa Patau-Patau meningkatkan kapasiti penjanaan elektrik lebih awal daripada yang dijadualkan iaitu pada Disember 2024.

SESB katanya kini dalam proses akhir untuk mengoperasikan semula Tarbin Gas GT2 dan GT3 di stesen itu yang tidak dapat beroperasi sejak tahun lepas. – Bernama